

QS iktiraf UTHM lima bintang

Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus melakukan peningkatan berterusan apabila memperoleh pengiktirafan lima bintang daripada lapan kategori yang dinilai Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating.

Naib Canselornya Profesor Dr Wahid Razally berkata, hasil pengauditan QS pada 2017, UTHM meraih lima bintang dalam kategori pengajaran, kebolehpasaran, fasiliti, tanggungjawab sosial dan inklusif (keterangku-man) yang secara keseluruhannya membawa peningkatan daripada tiga ke-

pada empat bintang.

“Pencapaian ini hasil muafakat barisan kepemimpinan dan warga UTHM termasuk pelbagai pihak berkepentingan seperti alumni, industri, ibu bapa dan masyarakat sekitar.

“Saya berterima kasih kepada semua pimpinan UTHM terdahulu termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), staf dan pelajar. Penyediaan laluan kecermerlangan dan saling berganding bahu tanpa menge-nal erti jemu menyebabkan pelbagai inisiatif penambahbaikan berjaya,” katanya, di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya

berharap warga UTHM tidak leka, sebaliknya sentiasa beriltizam menambah baik setiap perkara demi manfaat semua pihak.

“Tiada kejayaan dicapai tanpa semangat dan kerja berpasukan jitu, umpama sepasukan lebah yang bersepakat membawa manfaat.

“Penarafan ini sebagai pembakar semangat seluruh warga UTHM supaya sentiasa bersemangat menunaikan pekerjaan dengan penuh amanah dan dedikasi. Komponen yang mempunyai kekurangan mesti dikenal pasti punca dan dilakukan penambahbaikan segera,” katanya.



DR Wahid

QS Intelligence Unit adalah antara organisasi audit berprestij yang berpusat di London dan terkenal sebagai organisasi pengauditan universiti yang bebas melalui QS World Ranking dan Rating.